

BAB TIGA

ANALISIS AM

3.0 Pendahuluan

Pelbagai cara analisis yang berkaitan dengan bahasa boleh digunakan dalam menilai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak seperti menggunakan analisis fonologi, sintaksis, semantik, morfologi dan pragmatik. Satu lagi cara yang juga agak penting yang boleh digunakan dalam menganalisis data ujaran kanak-kanak dalam menilai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa mereka ialah dengan melakukan analisis am. Walau bagaimanapun dalam tesis ini pengkaji hanya memilih analisis am, analisis paras sintaksis dan analisis pada paras semantik bahasa Melayu sahaja. Pengkaji akan membuat analisis am dalam Bab Tiga, analisis sintaksis dan analisis semantik dalam Bab Empat dan rumusan kajian dalam Bab Lima.

3.1 Kepentingan Analisis Am

Analisis am sebenarnya penting dilakukan terhadap data 50 ujaran yang dibuat oleh kanak-kanak dalam menilai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa mereka kerana ia dapat digunakan bagi menyatakan kuantiti seluruh sampel itu di samping dapat memberikan tinjauan yang luas terhadap tahap prestasi kanak-kanak iaitu dengan cara melihat:

1. Kemampuan kanak-kanak membuat ujaran yang sesuai dengan konteks.

2. Kemampuan kanak-kanak membuat pertanyaan dengan tepat atau tidak.
3. Kemampuan kanak-kanak menggunakan perkataan atas, tepi, bawah, sisi dan sebagainya.
4. Melihat kadar meniru percakapan orang lain.
5. Melihat kekerapan kanak-kanak membuat pengulangan terhadap ujaran yang sama.
6. Melihat pada kadar soalan dan jawapan yang tinggi di kalangan kanak-kanak sampel.
7. Melihat taburan kekerapan - jumlah panjang ujaran dalam kata bagi setiap sampel.
8. Melihat pada Purata Panjang Ujaran dalam Kata (MLR) bagi setiap sampel
9. Melihat pada Purata Panjang Ujaran dalam Morfem (MLU) bagi setiap sampel.

3.2 Analisis Data

3.2.1 Melihat keupayaan kanak-kanak membuat ujaran yang sesuai dengan konteks

Analisis terhadap data 50 ujaran kanak-kanak akan dimulakan dengan melihat kepada konteks semasa kanak-kanak membuat ujaran. Ini penting untuk memastikan sama ada sampel membuat ujaran yang sesuai dengan konteks atau tidak. Jika ujaran yang dibuat sesuai dengan konteks, bermakna tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa mereka adalah memuaskan. Sebaliknya jika ujaran yang dibuat tidak sesuai dengan konteks maka tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak juga adalah masih rendah. Menurut Fenton (1925) (lihat para 2.2.1) kanak-kanak yang berusia lebih daripada 13-18 bulan telah tahu menggunakan perkataan yang berbeza-beza mengikut konteksnya. Jadi analisis data akan dibuat bagi melihat apakah kanak-kanak dalam kajian ini telah pandai atau tidak menggunakan perkataan berdasarkan konteks sebagaimana yang dinyatakan oleh Fenton.

Daripada data, didapati bahawa kedua-dua sampel telah membuat ujaran yang sesuai dengan konteks yang berlaku di sekelilingnya pada masa ujaran dibuat (analisis data berdasarkan konteks akan dilakukan dengan lebih jelas di dalam Bab Empat di bawah analisis paras semantik bahasa Melayu). Hampir 100% percakapan kanak-kanak sampel di dalam data (lihat lampiran 1) adalah berkaitan dengan konteks iaitu berdasarkan apa yang dilihat, disentuh, dipegang dan dibuatnya semasa ujaran tersebut diucapkan. Keadaan ini telah membuktikan bahawa kedua-dua sampel telah mempunyai tahap kefahaman yang baik terhadap makna perkataan yang diujarkannya. Mereka juga mempunyai perbendaharaan kata yang pelbagai kerana mereka dapat mengucapkan semua yang dilihatnya dengan betul serta dapat menghubungkan makna-makna perkataan tersebut dengan baik dan tepat, sesuai dengan situasi yang sebenarnya berlaku (rujuk lampiran 1). Ini selari dengan pendapat Asmah Haji Omar yang menyatakan bahawa bahasa adalah sistem perlambangan yang merupakan pengwujudan konsep hasil dari pemahaman manusia terhadap apa yang berlaku di sekeliling mereka (Asmah Haji Omar, 1988) (rujuk Bab Dua). Kanak-kanak dalam kajian ini juga telah bercakap tentang apa yang berlaku di persekitaran atau sekeliling mereka (konteks) berdasarkan pemahaman mereka terhadap apa yang berlaku pada masa itu. Hasil kajian ini juga didapati selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Fenton (1925) (lihat Bab Dua) bahawa kanak-kanak yang berusia 13 bulan telah dapat membuat ayat-ayat yang membawa maksud yang berbeza-beza berdasarkan konteksnya (Fenton, 1925). Jadi ini membuktikan

bahawa terdapat persamaan di antara kajian Fenton dengan kajian ini di mana didapati bahawa kedua-dua kanak-kanak sampel ini yang berusia 24 bulan ke atas telah membuat ujaran yang sesuai dengan konteksnya.

3.2.2. Melihat keupayaan kanak-kanak sampel dalam membuat pertanyaan

Dalam menilai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak, ciri yang agak penting ialah melihat keupayaan sampel dalam membuat pertanyaan. Biasanya, kanak-kanak yang telah mencapai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang baik akan mampu membuat pertanyaan dengan tepat. Sebaliknya, bagi kanak-kanak yang masih berada di tahap awal peringkat pemerolehan dan penguasaan bahasa biasanya masih tidak mempunyai keupayaan untuk membuat pertanyaan dengan tepat terhadap sesuatu perkara. Daripada data didapati bahawa kedua-dua kanak-kanak telah mampu membuat pertanyaan dengan tepat. Beberapa bentuk pertanyaan (dari lampiran 1) yang telah dibuat oleh sampel ditunjukkan di dalam jadual di bawah;

Sampel	Nombor Ujaran	beberapa contoh pertanyaan yang dibuat oleh sampel kanak-kanak yang terdapat dalam da... (lampiran 1)
Amin	43	/ghana tak gherak ni mi? / (kenapa tidak bergerak ni Umi?)
Azam	15	/ Min aku nak cuah mana eh pasir ni ? / (Amin, di mana aku nak buang pasir ini?)
Azam	23	/ Umi nak gi mana eh ? / (Umi hendak pergi ke mana?)

Jadual 1: Data di atas menunjukkan beberapa bentuk soalan atau pertanyaan yang dibuat oleh sampel kanak-kanak berdasarkan data 50 ujaran yang diambil.

Daripada contoh-contoh soalan yang dibuat oleh sampel di atas, didapati bahawa semua kanak-kanak sampel telah pandai membuat pertanyaan dengan tepat. Misalnya Amin yang telah bertanyakan kepada ibunya kenapa tayar keretanya tidak bergerak dalam contoh di atas ternyata tepat dengan apa yang dimaksudkan dan sesuai pula dengan konteksnya. Penggunaan kata tanya *ghuana* / *ghana* ini pula adalah sesuai dengan bentuk pertanyaan beliau, kerana dalam dialek Kelantan sememangnya penuturnya menggunakan kata tanya *ghuana* / *ghana* bagi pertanyaan yang bermaksud *bagaimana* dan *kenapa*. Begitu juga dengan pertanyaan yang dibuat oleh Azam yang juga mempunyai makna yang tepat dan jelas serta sesuai dengan konteks dan maksud yang ingin disampaikannya. Ini sesuai dengan pendapat yang dikemukakan oleh Piaget yang menyatakan bahawa kanak-kanak yang berusia dua hingga empat tahun telah pandai membuat pelbagai bentuk pertanyaan dengan tepat (lihat Bab Dua).

3.2.3 Melihat keupayaan sampel menggunakan perkataan Posisi

Dalam menilai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak yang berusia 2.6 tahun dan 3.7 tahun ini, ciri lain yang juga penting adalah dengan melihat sama ada kanak-kanak sampel telah mampu atau tidak menggunakan perkataan-perkataan posisi iaitu perkataan-perkataan *atas*, *tepi*, *bawah*, *sisi* dan sebagainya. Sekiranya kanak-kanak didapati mampu menggunakan perkataan-perkataan di atas dengan baik dan sempurna, ini bermakna bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa mereka adalah

memuaskan kerana mereka telah menguasai perkataan-perkataan yang agak sukar untuk difahami samada dari segi penggunaannya serta maksudnya, berbanding dengan perkataan-perkataan lain yang tergolong dalam golongan kata nama dan kata kerja. Sebaliknya jika kanak-kanak didapati masih tidak mampu mengucapkan perkataan posisi seperti di atas maka mereka dikatakan masih tidak dapat menguasai bahasa dengan baik dan ini menunjukkan bahawa kanak-kanak ini masih dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa yang belum sempurna sepenuhnya. Walau bagaimanapun, tidak semestinya apabila seseorang kanak-kanak itu masih tidak berupaya mengujarkan perkataan-perkataan di atas maka mereka tidak tahu tentang penggunaannya. Kadang-kadang berlaku juga keadaan di mana walaupun seseorang kanak-kanak itu masih tidak pandai menyebutkan sesuatu perkataan itu tapi beliau sebenarnya telah memahaminya. Ini jelas kelihatan, apabila ada orang lain memperkatakan kepada beliau dan beliau faham apa yang diperkatakan oleh orang dewasa itu. Misalnya apabila seorang ibu menyuruh anaknya tidur *di tepi* dinding atau menyuruh anaknya mengambil bola *di dalam* bakul, ternyata anaknya itu dapat melakukan seperti apa yang telah diperintahkan oleh ibunya. Cuma mereka belum tahu menyebutkan perkataan tersebut kerana perkataan-perkataan ini agak sukar sedikit. Ini bersesuaian dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Benedict yang mengatakan bahawa kadar pemerolehan kefahaman adalah sama atau lebih cepat daripada kadar produksi bahasa bergantung kepada seseorang individu tersebut. Menurut beliau lagi, biasanya pada masa perkataan pertama dihasilkan kanak-kanak sudah faham kira-

kira 100 patah perkataan. Sebenarnya penjiwaan terhadap bahasa emak dan orang-orang di sekitarnya adalah lebih cepat bagi seseorang bayi itu daripada menghasilkan bahasa untuk dirinya sendiri (Asmah Haji Omar, 1988).

Daripada data didapati bahawa penggunaan golongan kata posisi masih terbatas dan tidak meluas di kalangan kanak-kanak yang berusia antara 3.7 tahun 2.6 tahun. Ini terbukti melalui analisis data 50 ujaran yang dibuat oleh sampel, didapati bahawa hanya Azam sahaja yang telah mengucapkan golongan kata di atas, itu pun hanya merangkumi satu jenis perkataan sahaja iaitu perkataan *bawah*. Lihat ujaran nombor 38 dalam data (lampiran 1);

Azam

Ujaran (38); ni gapa ni wah nih

(ini apa ni di bawah nih)

Daripada dapatan di atas, jelas menunjukkan bahawa penggunaan perkataan-perkataan posisi adalah masih terbatas dan tidak meluas di kalangan kanak-kanak yang berusia 3.7 tahun dan 2.6 tahun. Ini terbukti melalui analisis data yang dibuat, didapati bahawa hanya Azam seorang sahaja yang telah menggunakan bentuk perkataan tersebut sedangkan Amin langsung tidak mengujarkannya. Malah penggunaannya juga adalah amat sedikit dan terhad di mana daripada contoh di atas didapati bahawa daripada 50 ujaran yang telah diambil daripada sampel, hanya terdapat satu bentuk perkataan posisi sahaja yang telah digunakan oleh sampel iaitu perkataan bawah dan perkataan-perkataan lain seperti dalam, atas dan sisi langsung tidak disebutkan. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak pada usia ini masih tidak

begitu mahir menggunakan perkataan-perkataan tersebut. Ini terbukti dengan penggunaannya yang terhad dan tidak meluas jika dibandingkan dengan penggunaan perkataan *namaan am* seperti perkataan-perkataan yang meliputi perkataan permainan iaitu kereta, tayar, lori, kapal terbang, motor chopper dan sebagainya (rujuk data dalam Lampiran 1). Keadaan ini menunjukkan keselaruan dengan hasil kajian yang telah dibuat oleh Nelson (1973), iaitu beliau telah mengesan tiga kategori perkataan pertama di kalangan kanak-kanak yang berusia antara 2-3 tahun dan mendapati bahawa hampir semua perkataan yang dihasilkan oleh kanak-kanak adalah terdiri daripada kategori haiwan, makanan dan alat permainan (Nelson, 1973). Ini sesuai dengan pendapat Fenton yang mengatakan bahawa kanak-kanak yang berusia antara 3-4 tahun telah dapat membuat ayat-ayat yang berbentuk paling mudah (rujuk Bab Dua).

Walau bagaimanapun keputusan di atas boleh dipertikaikan kerana sebenarnya terdapat dua kemungkinan kenapa keadaan ini terjadi iaitu pertama, kemungkinan kanak-kanak pada tahap usia ini masih tidak mahir dalam penggunaan golongan kata tersebut atau kedua, ialah disebabkan konteks semasa ujaran dibuat adalah tidak mengizinkan penggunaan golongan perkataan di atas oleh sampel. Misalnya berdasarkan apa yang diperhatikan oleh pengkaji terhadap Amin dan Azam yang merupakan anak pengkaji sendiri, pengkaji dapati bahawa kedua-dua mereka sebenarnya ada membuat ujaran yang menggunakan perkataan-perkataan seperti *atas, dalam, bawah* dan *tepi* dalam ujaran sehari-hari, cuma perkataan *sisi* sahaja yang tidak pernah disebutkan. Ini menunjukkan bahawa penggunaan data 50 ujaran

dalam menilai tentang tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak ternyata tidak dapat memberikan keputusan yang terbaik kerana biasanya kita mengambil ujaran dalam bentuk dan jumlah yang terhad, jadi ia tidak dapat menggambarkan keupayaan kanak-kanak secara maksimum, kerana tidak semua tahap pengetahuan dan keupayaan bahasa kanak-kanak akan tergambar sepenuhnya di dalam 50 ujaran yang dijadikan sebagai data itu. Apatah lagi ujaran yang dibuat adalah berdasarkan konteks, jadi, jenis-jenis perkataan yang diujarkan oleh kanak-kanak juga adalah dipengaruhi oleh konteksnya, menyebabkan tidak semua aspek yang ingin dikaji terangkum dalam 50 ujaran sahaja. Buktinya ialah seperti penggunaan perkataan-perkataan *atas*, *tepi*, *bawah* dan *dalam* seperti di atas, jika dibuat kesimpulan berdasarkan apa yang diperolehi di dalam data, jelas kelihatan bahawa sampel langsung tidak tahu menggunakan perkataan-perkataan tersebut, tetapi berbeza dengan keadaan sebenar kerana didapati bahawa kanak-kanak ini selalu juga menggunakan perkataan tersebut dalam percakapan sehari-hari beliau. Cuma perkataan *sisi* sahaja yang tidak pernah digunakan oleh sampel. Ini menunjukkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak yang masih belum sempurna sepenuhnya kerana mereka masih belum dapat menguasai semua bentuk-bentuk perkataan yang digunakan oleh orang-orang dewasa.

3.2.4 Kekerapan-jumlah panjang ujaran dalam kata bagi setiap sampel

Analisis taburan kekerapan-jumlah panjang ujaran dalam kata bagi setiap sampel dibuat adalah untuk melihat berapa kerapkah seseorang itu membuat

ujaran yang mengandungi 1 patah perkataan, 2 patah perkataan, 3 patah perkataan, 4,5,6,7 patah perkataan dan seterusnya. Tujuannya ialah untuk melihat keupayaan kanak-kanak membuat ujaran. Misalnya daripada 50 ujaran yang dijadikan sebagai data itu, kanak-kanak didapati paling kerap sekali membuat ujaran yang hanya mengandungi 1,2 atau 3 patah perkataan, ini bermakna bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak adalah lemah kerana beliau hanya membuat ujaran yang pendek sahaja. Manakala sekiranya kanak-kanak lebih kerap membuat ujaran yang mengandungi 4 & 5 patah perkataan pula, ini bermakna bahawa tahap penguasaan dan pemerolehan bahasa kanak-kanak adalah berada dalam tahap yang sederhana. Tetapi sekiranya daripada 50 ujaran yang dibuat itu, kanak-kanak lebih banyak membuat ujaran-ujaran yang mengandungi 6,7,8,9 patah perkataan dan seterusnya, maka ini menunjukkan bahawa kanak-kanak ini telah mempunyai tahap pemerolehan dan penguasaan berbahasa yang amat baik kerana mereka mempunyai keupayaan membuat ujaran yang panjang sebagaimana pertuturan yang dibuat oleh orang-orang dewasa di sekeliling mereka.

Patah perkataan yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah setiap ujaran yang mempunyai makna iaitu hanya ujaran-ujaran yang mempunyai makna sahaja yang dimaksudkan sebagai patah perkataan, sedangkan bunyi-bunyi seperti *ooo...* atau *eemm...* yang sering dibunyikan oleh sampel pada permulaan ujaran adalah tidak dikira sebagai perkataan kerana ia merupakan bunyi-bunyi yang tidak mempunyai erti atau makna. Selain itu pengkaji juga akan melihat apakah tahap kepanjangan

ujaran yang paling maksimum atau tahap kepanjangan ujaran yang paling tinggi dapat dicapai oleh sampel. Sekiranya kanak-kanak sampel lebih banyak membuat ujaran yang panjang, ini menunjukkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak ini adalah baik. Dan begitulah sebaliknya.

Di bawah ini diberikan data kekerapan jumlah panjang ujaran dalam kata bagi setiap kanak-kanak sampel bagi memudahkan pembaca mendapat gambaran yang jelas tentang berapa kerapkah seseorang sampel membuat ujaran yang mengandungi 1,2,3,4,5,6,7,8 patah perkataan dan seterusnya.

bil. Kata	Kekerapan ujaran Dalam kata	Jumlah kata
1	4	4
2	7	14
3	12	36
4	11	44
5	9	45
6	3	18
7	2	14
8	2	16
jumlah	50	191

Jadual 2 : Data taburan kekerapan jumlah panjang ujaran dalam kata bagi Amin

Daripada data di atas, didapati bahawa Amin telah membuat ujaran yang mengandungi 1 patah perkataan sebanyak 4 kali, ujaran yang mengandungi 2 patah perkataan sebanyak 7 kali, ujaran yang mengandungi 3 patah perkataan sebanyak 12 kali, ujaran yang mengandungi 4 patah perkataan sebanyak 11 kali, ujaran yang mengandungi 5 patah perkataan sebanyak 9 kali, ujaran yang mengandungi 6 patah perkataan sebanyak 3 kali, ujaran yang mengandungi tujuh dan 8 patah perkataan sebanyak 2 kali. Kesemuanya berjumlah 50 ujaran dengan jumlah kata sebanyak

191 patah perkataan keseluruhannya. Manakala, ujaran yang paling kerap sekali dibuat ialah ujaran yang mengandungi 3 patah perkataan iaitu sebanyak 12 kali dan diikuti oleh ujaran yang mengandungi 4 patah perkataan sebanyak 11 kali serta yang ketiga ialah ujaran yang mengandungi 5 patah perkataan sebanyak 9 kali. Ujaran terpanjang yang dapat dibuat oleh Amin pula ialah ujaran yang mengandungi 8 patah perkataan yang telah diujarkan sebanyak 2 kali. Ini menunjukkan bahawa Amin telah mengalami peringkat perkembangan bahasa yang mulai sempurna dan normal kerana ia selari dengan peringkat perkembangan bahasa kanak-kanak sebagaimana yang telah diutarakan oleh Fenton, (rujuk Bab Dua) bahawa pada peringkat usia kanak-kanak antara 36 bulan ke atas mereka telah dapat menggunakan ayat-ayat yang terdiri daripada 3-5-8 patah perkataan. Pada peringkat ini juga kanak-kanak dikatakan telah dapat membuat ayat-ayat yang berbentuk paling mudah.

Bil. kata	Kekerapan ujaran Dalam kata	Jumlah Kata
1	6	6
2	6	12
3	13	39
4	15	60
5	7	35
6	2	12
7		
8		
9	1	9
Jumlah	50	173

Jadual 3: Data taburan kekerapan jumlah panjang ujaran dalam kata bagi Azam

Daripada data taburan kekerapan jumlah panjang ujaran dalam kata bagi Azam di atas didapati bahawa kanak-kanak ini telah membuat sebanyak 6 kali ujaran yang mengandungi 1 patah perkataan, 6 kali ujaran yang mengandungi 2 patah perkataan, 13 kali ujaran yang mengandungi 3 patah perkataan, 15 kali ujaran yang mengandungi 4 patah perkataan, 7 kali ujaran yang mengandungi 5 patah perkataan, 2 kali ujaran yang mengandungi 6 patah perkataan dan 1 kali ujaran yang mengandungi 9 patah perkataan. Jumlah ujaran yang paling banyak ialah yang mengandungi 4 patah perkataan iaitu sebanyak 15 kali, yang kedua terbanyak ialah ujaran yang mengandungi 3 patah perkataan iaitu sebanyak 13 kali dan yang ketiga terbanyak ialah ujaran yang mengandungi 5 patah perkataan iaitu sebanyak 7 kali. Manakala ujaran yang paling panjang sekali yang telah diucapkan oleh kanak-kanak ini ialah ujaran yang mengandungi 9 patah perkataan iaitu sebanyak 1 kali. Jadi daripada apa yang diperolehi ternyata sampel ini telah mengatasi keupayaan abangnya Amin dalam membuat ujaran, di mana jika diperhatikan pada kekerapan kanak-kanak ini membuat ujaran ternyata bahawa beliau lebih banyak membuat ujaran yang mengandungi 4 patah perkataan berbanding dengan Amin yang hanya mempunyai kekerapan ujaran yang mengandungi 3 patah perkataan. Manakala, ujaran yang paling dominan diujarkan ialah yang mengandungi 3,4 dan 5 patah perkataan. Begitu juga jika dilihat kepada ujaran yang paling panjang sekali yang telah diujarkan oleh Azam ternyata telah mengatasi abangnya Amin kerana beliau telah berjaya membuat ujaran yang paling panjang iaitu yang mengandungi 9 patah perkataan. Jadi secara keseluruhan bolehlah disimpulkan bahawa walaupun usia

Azam lebih muda daripada usia Amin tetapi keupayaan beliau membuat ujaran adalah lebih kurang sama dengan Amin. Jika dibandingkan dengan Brown Linguistics Stage, keadaan ini menunjukkan bahawa Azam telah mempunyai keupayaan membuat ujaran yang lebih cepat daripada perkembangan usianya.

3.2.5 Purata Panjang Ujaran dalam kata (MLR) kanak-kanak sampel

Analisis seterusnya akan dilakukan dengan melihat pada purata panjang ujaran dalam kata (MLR) bagi setiap sampel iaitu dengan cara melihat purata bagi kepanjangan atau berapa banyakkah perkataan yang terdapat dalam setiap ujaran yang diucapkan oleh seseorang sampel itu. Kajian ini penting sebagai satu cara untuk menilai tahap keupayaan "*vokabular*" atau *kosa kata* kanak-kanak sampel. Jika mereka mempunyai Purata Panjang Ujaran dalam Kata yang tinggi bermakna kanak-kanak merupakan seorang yang mempunyai keupayaan "*vokabular*" atau *kosa kata* yang baik dan sebaliknya. Cara pengiraan MLR ialah;

$$\text{MLR} = \frac{\text{Jumlah Perkataan}}{\text{Jumlah Ujaran}}$$

Sampel	MLR bagi setiap sampel ($\text{MLR} = \frac{\text{Jumlah Perkataan}}{\text{Jumlah Ujaran}}$)
Amin	$\text{MLR} = \frac{191}{50} = 3.8$
Azam	$\text{MLR} = \frac{173}{50} = 3.4$

Jadual 4: Data menunjukkan MLR bagi setiap sampel

Daripada analisis di atas didapati bahawa MLR Amin adalah sebanyak 3.8, dan Azam mempunyai MLR sebanyak 3.4. Berdasarkan pengiraan ini jelas menunjukkan bahawa MLR Amin adalah lebih tinggi daripada Azam. Ini menunjukkan bahawa Amin mempunyai keupayaan "vokabular" atau *kosa kata* yang lebih baik daripada Azam sesuai dengan usia beliau yang lebih tua daripada Azam. Tetapi, walaupun Azam berusia lebih muda, ternyata beliau telah mempunyai keupayaan vokal yang tinggi jika dibandingkan dengan usianya. Bukti ini ialah perbezaan MLR yang diperolehi oleh beliau ternyata tidak jauh bezanya dengan jumlah MLR yang diperolehi oleh abangnya Amin. Perbezaan MLR bagi kedua-dua sampel hanyalah 0.4 sahaja, nilai ini begitu kecil jika dibandingkan dengan perbezaan usia di antara kedua-duanya. Keupayaan vokal beliau ini mungkin banyak dipengaruhi oleh abangnya Amin yang setiap hari bermain dengan beliau menyebabkan segala percakapan yang telah dituturkan oleh abangnya telah menjadi ikutan beliau dan keadaan ini telah membantu beliau menguasai perbendaharaan kata dengan cepat dan betul. Fenomena ini telah membuktikan kebenaran pendapat yang dikemukakan oleh ahli Teori Behaviourisme yang menyatakan bahawa pengaruh rakan sebaya atau persekitaran sememangnya dapat membantu mempercepatkan proses pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak (rujuk Bab Dua).

3.2.6 Kekerapan meniru percakapan orang lain di kalangan kanak-kanak

Kanak-kanak yang membuat ujaran dengan cara meniru daripada percakapan orang lain sebenarnya tidak mempunyai keupayaan yang baik dalam penghasilan bahasanya dan secara tidak langsung ia menggambarkan tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak yang masih lemah. Sebaliknya jika ujaran yang dibuat adalah hasil daripada pemikiran dan ideanya sendiri, maka ini bermakna bahawa kanak-kanak ini mempunyai tahap penghasilan bahasa yang baik dan dengan sendirinya tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa beliau juga adalah memuaskan.

Daripada analisis data 50 ujaran kanak-kanak, didapati bahawa Amin mempunyai kadar meniru penutur lain yang rendah iaitu 2% (ujaran nombor 12) berbanding dengan Azam yang mempunyai 12% bentuk-bentuk ujaran yang dibuat hasil daripada meniru percakapan orang lain. Misalnya lihat ujaran-ujaran pada nombor 14, 24, 32, 35 dan 37 dalam data. Peratus meniru percakapan orang lain yang tinggi ini menunjukkan bahawa keupayaan penghasilan bahasa beliau yang rendah berbanding dengan abangnya Amin. Keadaan ini sesuai dengan usianya yang satu tahun lebih muda daripada Amin. Ini membuktikan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak adalah berkembang mengikut peningkatan usia mereka. Keputusan kajian ini menunjukkan keselarian dengan model pemerolehan bahasa yang dibuat oleh Wood, (lihat para 2. 3) yang

menunjukkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak berlaku selari dengan perkembangan biologi mereka.

Tahap meniru percakapan orang lain yang tinggi bagi Azam juga menunjukkan bahawa kanak-kanak ini masih lagi berada dalam proses pembelajaran bahasa dan beliau melakukan peniruan sebagai satu strategi dalam proses penguasaan bahasa ibundanya kerana proses peniruan ini dapat membantu mempercepatkan tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa beliau. Buktinya ialah beliau banyak meniru percakapan abangnya dan ini telah membantu beliau dalam tahap pemerolehan bahasa terutamanya dari segi pemerolehan perbendaharaan kata. Contohnya ialah ujaran nombor 14 yang dibuat oleh Azam di dalam data, ujaran ini dibuat hasil daripada meniru ujaran abangnya Amin (ujaran 42). Dalam konteks ujaran ini dihasilkan didapati bahawa pada mulanya ibu mereka telah bertanyakan pada Azam apakah benda yang dipegang oleh Azam (Azam memegang sodok (jentolak) mainan ketika itu), tetapi disebabkan Azam tidak tahu apakah nama benda yang dipegangnya itu menyebabkan beliau hanya menjawab “/ni ga nih/” (ujaran ini tidak diberikan nombor dalam Lampiran 1), lantaran itu Amin telah membantu beliau dengan menjawab pertanyaan ibunya dengan mengatakan “/ sodok /” (lihat ujaran 42 yang dibuat oleh Amin), yang bermaksud “ini ialah sodok”. Azam terus meniru ujaran yang dibuat oleh Amin itu dengan mengatakan “/ sodok /” (lihat ujaran 14) pada benda yang dipegangnya itu. Situasi ini menunjukkan dengan jelas kepada kita bahawa Amin telah membantu Azam memberitahu nama sebenar bagi “sodok” yang dipegang oleh Azam itu dan seterusnya membolehkan Azam menyebutkannya

semula bagi menjawab pertanyaan ibunya melalui proses peniruan terhadap ujaran yang dibuat oleh Amin. Jadi, secara tidak langsung Amin telah membantu Azam memperkenalkan nama sebenar terhadap benda yang dipegangnya itu dan Azam telah meniru ujaran Amin sebagai satu bentuk latihan baginya untuk menguasai perkataan tersebut. Di sini, jelas kelihatan proses pembelajaran yang berlaku secara tidak langsung iaitu Azam telah mempelajari bahasa daripada abangnya Amin. Ini selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Wood (1981) yang mengatakan bahawa kanak-kanak biasanya akan meniru berdasarkan penglihatan dan pendengaran terhadap percakapan orang dewasa dan selepas itu mereka akan mempraktiskan bentuk baru yang ditirunya itu sehingga mereka benar-benar dapat menguasainya. Contoh lain yang menunjukkan kanak-kanak membuat peniruan sebagai satu latihan dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa ialah seperti kajian yang telah dibuat oleh Ruth Clark dan Ramer (rujuk para 2.4).

3.2.7 Kekerapan sampel mengulang perkataan yang sama

Kanak-kanak yang sering melakukan pengulangan terhadap bentuk ujaran yang sama semasa bercakap biasanya mempunyai tahap penghasilan bahasa yang masih rendah, oleh itu tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa mereka juga masih di tahap yang kurang sempurna sepenuhnya. Daripada analisis data 50 ujaran yang dibuat oleh kanak-kanak, didapati bahawa Amin dan Azam masing-masing telah membuat dua kali (4 %) pengulangan terhadap ujaran yang sama. Jumlah ini sebenarnya tidaklah besar kerana masing-masing sampel hanyalah

membuat pengulangan sebanyak dua kali sahaja daripada keseluruhan 50 ujaran yang dihasilkan. Ini menggambarkan bahawa kanak-kanak sampel telah mengalami proses pemerolehan bahasa yang hampir sempurna tetapi tidak sempurna sepenuhnya, kerana pada tahap usia 2.6 dan 3.7 tahun ini kanak-kanak masih lagi berada dalam proses pemerolehan bahasa ibundanya. Ini selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Fenton yang mengatakan bahawa kanak-kanak pada usia tiga tahun mulai mengalami tahap perkembangan bahasa yang hampir sempurna tetapi tidak sempurna sepenuhnya. Wood pula telah meletakkan kanak-kanak yang berusia antara 2.6-4 tahun dalam peringkat “*Multiple Word Sentences*” iaitu berada dalam tahap kelima peringkat-peringkat pemerolehan bahasa. Oleh kerana kanak-kanak masih lagi berada dalam proses perkembangan bahasa yang kurang sempurna sepenuhnya, menyebabkan mereka telah melakukan pengulangan terhadap ujaran yang dihasilkan sebagai satu bentuk latihan bagi mempercepatkan lagi proses pemerolehan dan penguasaan bahasa mereka. Ini selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh pelopor Teori Behaviourisme (rujuk para 1.5) yang menyatakan bahawa kanak-kanak belajar bahasa daripada data yang didengar dan kemudiannya akan diulang semula beberapa kali sehingga beliau mencapai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang normal.

3.2.8 Perkadararan soalan dan jawapan yang tinggi di kalangan kanak-kanak

Dalam membuat analisis am bagi melihat tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak, analisis data juga boleh dilakukan dengan melihat pada kadar soalan dan jawapan yang tinggi di kalangan mereka. Sekiranya seseorang kanak-kanak itu lebih banyak menghasilkan bahasa kerana beliau disoal terlebih dahulu oleh pengkaji, ini bermakna bahawa beliau tidak mampu membuat penghasilan bahasa dengan baik kerana ujaran yang dibuat oleh beliau adalah berdasarkan soalan yang diajukan terhadapnya dan bukannya disebabkan inisiatif beliau sendiri untuk menghasilkan ujaran-ujaran tersebut. Sebaliknya jika seseorang kanak-kanak itu telah membuat ujaran bukan kerana beliau disoal terlebih dahulu, tetapi kerana memang beliau jenis yang suka bercakap maka ini bermakna bahawa kanak-kanak ini mempunyai tahap pemerolehan bahasa yang baik kerana beliau boleh menghasilkan sendiri kata-katanya tanpa perlu bantuan daripada pengkaji (tidak perlu pengkaji menyoalnya terlebih dahulu).

Daripada data 50 ujaran yang dibuat oleh Amin didapati bahawa tidak ada satu pun ujaran yang dibuat kerana beliau disoal terlebih dahulu atau dipaksa bercakap oleh pengkaji. Cuma pada ujaran nombor 30 dalam data, didapati Amin telah membuat ujaran dengan menjawab soalan yang dikemukakan oleh pengasuhnya iaitu pengasuhnya bertanya apakah Amin ingin makan nasi atau tidak. Soalan yang dikemukakan oleh pengasuh Amin ini bukanlah dengan tujuan untuk memaksa Amin bercakap tapi dengan niat sebenar ingin bertanya sama ada Amin

ingin makan atau tidak. Daripada 50 ujaran yang dibuat oleh Azam juga terdapat hanya 2 kali (4%) sahaja ujaran yang dibuat hasil dari menjawab soalan yang dikemukakan kepadanya. Walaupun usia Azam baru 2.6 tahun tetapi beliau telah mampu menghasilkan bahasa secara spontan tanpa perlu bantuan daripada pengkaji (tidak perlu menyoal terlebih dahulu supaya sampel bercakap). Walaupun terdapat ujaran yang dibuat oleh beliau hasil menjawab soalan yang dikemukakan kepadanya, namun dalam peratus yang kecil sahaja, malah beliau di dapati mempunyai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang tidak jauh bezanya daripada Amin sendiri. Situasi ini membuktikan bahawa Azam telah mengalami tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang lebih cepat daripada tahap perkembangan bahasa yang sepatutnya dialami oleh kanak-kanak yang berusia 2.6 tahun. Keadaan ini berlaku kerana beliau banyak terpengaruh dengan Amin dalam proses pemerolehan bahasa (buktinya lihat perbincangan di bawah tajuk kadar meniru percakapan orang lain, para 3.1.6 yang menunjukkan Amin banyak membantu pemerolehan bahasa Azam). Ini membuktikan bahawa pendapat yang dikemukakan oleh ahli Teori Behaviourisme yang mengatakan bahawa persekitaran kanak-kanak iaitu ibu bapa, rakan sebaya dan adik-beradik memainkan peranan yang penting dalam proses pemerolehan bahasa adalah benar.

3.2.9 Purata Panjang Ujaran dalam Morfem (Mean Length of Utterance in Morpheme (MLU)) bagi setiap sampel

3.2.9.1 Melihat MLU bagi Amin

Analisis MLU akan dimulakan terhadap sampel pertama iaitu Noor Amin. Cara mengira MLU dibuat berdasarkan kaedah yang telah diterangkan di dalam Bab Dua di bawah tajuk kaedah pengkaedahan. Daripada 50 ujaran yang telah dibuat oleh beliau didapati bahawa jumlah morfem yang terdapat secara keseluruhan ialah sebanyak 214 buah morfem. Jadi MLU bagi sampel ini adalah sebanyak;

$$\begin{aligned} \text{MLU} &= \frac{214}{50} \\ &= 4.2 \end{aligned}$$

Hasil pengiraan di atas didapati bahawa Amin mempunyai Purata Panjang Ujaran dalam Morfem sebanyak 4.2. Pengiraan morfem terhadap beliau ini telah dilakukan berdasarkan kedua-dua bentuk morfem iaitu merangkumi bentuk morfem bebas dan morfem terikat yang terdapat dalam setiap ujaran yang dibuat. Walau bagaimanapun kewujudan morfem terikat dalam dialek Kelantan ini (Amin dan Azam bercakap dalam dialek Kelantan) adalah lain sedikit daripada kehadiran morfem terikat dalam bahasa standard. Ini adalah kerana biasanya kewujudan morfem terikat dalam dialek Kelantan adalah tidak nampak secara kasar kerana ia diujarkan dengan menggunakan intonasi suara yang selalunya diucapkan dengan intonasi yang tinggi atau wujud sedikit penekanan pada awal perkataan tersebut. Biasanya keadaan ini terjadi apabila morfem terikat ini wujud dipangkal perkataan. Misalnya lihat perkataan [gini] dalam ujaran yang dibuat oleh Amin (ujaran 14

dalam lampiran 1 iaitu / gini hak aku gini /), sebenarnya dalam perkataan **gini** ini wujud awalan atau morfem terikat {be-} di awal perkataan tersebut. Jadi makna sebenar perkataan [gini] di atas adalah bermaksud **begini** dan dalam bahasa standard pun memang ia disebutkan sebagai [begini]. Tetapi oleh kerana dalam dialek Kelantan biasanya awalan atau morfem terikat di awal perkataan akan diucapkan dengan menggunakan nada suara yang tinggi atau dengan membuat penekanan pada awal perkataan tersebut, maka morfem terikat {be-} ini tidak kelihatan tetapi kehadiran atau kewujudannya tetap dirasai dan ia hanya dapat dikesan oleh penutur asli dialek ini sahaja. Begitu juga dengan perkataan [**sinar**], [**musing**] dalam ujaran 17 yang dibuat oleh Amin sebenarnya adalah bermakna [bersinar] dan [berpuasing]. Tetapi morfem {ber-} ini seolah-olah hilang tetapi hakikatnya ia adalah jelas hadir dan dapat dirasai oleh pemakai-pemakainya sahaja.

Sekarang pengkaji akan membandingkan pula usia kanak-kanak ini yang sebenarnya dengan usia yang dicadangkan oleh Brown di dalam BLS berdasarkan MLU yang diperolehi oleh beliau. Berdasarkan BLS, kanak-kanak yang mempunyai MLU sebanyak 4.2 adalah diletakkan dalam tahap *Late Stage v* iaitu yang terdiri daripada golongan yang mempunyai MLU antara 4.00 - 4.49. Manakala tahap usia yang sesuai dengan MLU kanak-kanak di antara 4.00-4.49 adalah di antara usia 43.4-46.6 bulan (iaitu berusia diantara 3.7 tahun-3.10 tahun). Melihat pada tahap usia yang dicadangkan oleh Brown di dalam BLS ini dengan usia sebenar Amin nampaknya wujud keselarian di antara usia yang dicadangkan oleh Brown dengan usia sebenar kanak-kanak ini kerana usia kanak-kanak ini

pada masa ujarannya diambil bulan Mei 1997 adalah berusia di antara 3.7 tahun. Usia ini adalah selari dengan usia yang dicadangkan oleh Brown iaitu pada MLU 4.20 kanak-kanak sepatutnya berusia dalam lingkungan 44 bulan (3.8 tahun). Jadi ini menggambarkan bahawa Amin mempunyai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang selari dengan apa yang telah dicadangkan oleh Brown di dalam kajiannya.

Sekarang pengkaji akan membandingkan pula perlakuan bahasa kanak-kanak pada usia 3.7 tahun ini dengan perlakuan bahasa yang telah dicadangkan oleh Piaget di dalam Piaget's Stages (PS). Menurut Piaget di dalam PS, pada usia kanak-kanak mencecah 3-4 tahun, mereka sepatutnya telah memahami tentang masa, boleh membuat ayat atau frasa yang mempunyai kala lampau (past tense), menyatakan tentang sesuatu kuantiti dalam bentuk yang lebih daripada satu seperti menyebutkan angka (1, 2,3...), banyak, sedikit, sekumpulan dan sebagainya. Kanak-kanak pada usia ini juga faham tentang pemilikan atau kepunyaan dan sebagainya.

Daripada analisis data didapati bahawa kanak-kanak sampel ada membuat ujaran-ujaran yang menunjukkan tentang masa, kuantiti, ujaran yang menunjukkan tentang kala lampau, kepunyaan dan lokasi. Ini menunjukkan bahawa sedikit sebanyak kanak-kanak ini telah mempunyai perlakuan bahasa yang selari dengan apa yang telah dicadangkan oleh Piaget di dalam Piaget's Stages. Antara ujaran-ujaran yang dibuat yang menunjukkan tentang kuantiti ialah ujaran pada nombor 36, 39 dan 47. Contoh;

1. Amin (U 36) : / ambik semo / (ambil semua)

2. Amin (U 39) : / pah ni kita main dua deh /

Manakala ujaran yang dibuat yang menunjukkan tentang perkara lepas, perkara sedang berlaku dan perkara akan berlaku ialah ujaran-ujaran yang dibuat pada nombor 2, 3, 7, 8, 10, 19, 20, 33, 40, 41 dan 44 (perkara sedang berlaku). Ujaran-ujaran pada nombor 14, 15, 17 dan 18 adalah ujaran-ujaran yang menunjukkan perkara yang telah berlaku. Manakala ujaran 23 pula adalah yang menyatakan tentang perkara yang akan berlaku. Contoh ujaran-ujaran ialah;

1. Ujaran yang menyatakan tentang perkara lepas (telah berlaku)

Amin (U 15) : / gitu dia ambik ga tu /

2. Ujaran yang menyatakan tentang perkara yang sedang berlaku;

Amin (U 7) : / mek atabe naik tinggi mek tinggal semua oghe /

3. Ujaran yang menyatakan tentang perkara yang akan berlaku;

Amin (U23) : / nak kelik dah lah aku /.

Manakala ujaran yang menunjukkan tentang kepunyaan yang telah diujarkan oleh kanak-kanak ini ialah ujaran yang bernombor 14, 25, 35, 37,38 dan 50.

Contoh;

1. Amin (U 14) : / gini hak aku gini / (begini kepunyaan aku begini)

2. Amin (U 35) : / nih...serupa ga nih hak Amin ada /

(benda ini serupa dengan yang Amin ada)

Berdasarkan contoh-contoh di atas, jelas menunjukkan bahawa Amin mempunyai perlakuan bahasa yang sama dengan apa yang telah dicadangkan oleh

Piaget bagi kanak-kanak yang berusia 3-4 tahun walaupun tidak sepenuhnya. Jadi ini menunjukkan bahawa perkembangan bahasa kanak-kanak ini adalah selari dengan apa yang dicadangkan oleh Brown di dalam BLS dan Piaget di dalam Piaget's Stages.

3.2.9.2 MLU bagi Azam

Daripada lima puluh ujaran yang diambil daripada Azam pula, terdapat sebanyak 184 buah morfem semuanya. Jadi MLU beliau adalah;

$$\begin{aligned} \text{MLU} &= \frac{\text{Jumlah Morfem}}{\text{Jumlah Ujaran}} \\ &= \frac{185}{50} \\ &= 3.7 \end{aligned}$$

Berdasarkan pengiraan di atas, didapati bahawa MLU Azam adalah sebanyak 3.7. Berdasarkan pengiraan MLU yang diperolehi oleh Azam ini, jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak ini telah mengalami tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang jauh lebih cepat daripada tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa bagi seseorang kanak-kanak yang berusia 2.6 tahun. Keadaan ini boleh dilihat dengan jelas bila dibandingkan usia kanak-kanak ini dan MLU yang diperolehinya dengan MLU dan usia yang sesuai berdasarkan BLS. Menurut Brown, kanak-kanak yang mempunyai MLU 3.7 ini sepatutnya berada pada peringkat *Late Stage IV- Early Stage V* dalam BLS iaitu satu peringkat bagi mereka yang mempunyai MLU di antara (3.50- 3.99). Oleh kerana kanak-kanak ini mempunyai MLU sebanyak 3.7 maka usia yang sesuai terhadap beliau

berdasarkan BLS ialah 40.3 bulan (3.4 tahun). Tapi usia sebenar kanak-kanak ini baru 2.6 tahun (semasa ujaran dirakamkan). Ini menunjukkan bahawa beliau telah mengalami tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang lebih cepat daripada usianya kerana pada usia 2.6 tahun ini, Azam sepatutnya berada pada peringkat *Stages II* dan MLU yang sesuai bagi kanak-kanak yang berusia 2.6 tahun ini ialah 2.3 bukannya 3.7. Keadaan ini menunjukkan bahawa kanak-kanak ini telah mengalami proses pemerolehan dan penguasaan bahasa yang jauh lebih cepat dan telah mengatasi tahap kecekapan sebenar berdasarkan MLU dan usia yang telah dicadangkan oleh Brown di dalam BLS.

Keadaan ini terjadi kerana beliau banyak dipengaruhi oleh abangnya Amin yang sentiasa bermain dan berbual dengan beliau menyebabkan banyak bentuk-bentuk ujaran yang dibuat oleh Amin telah ditiru oleh Azam dan diucapkan semula secara berulang-ulang. Ini jelas dapat dilihat di dalam data 50 ujaran yang telah diambil daripada kanak-kanak ini, didapati bahawa banyak ujaran yang dibuat oleh beliau ialah dengan hasil meniru daripada percakapan yang dibuat oleh abangnya. Jadi, ini menunjukkan bahawa Amin telah memainkan peranan penting dalam membantu proses pemerolehan bahasa yang lebih cepat yang dialami oleh adiknya Azam kerana dengan cara memperhatikan setiap ujaran yang dibuat oleh abangnya, dan meniru serta mengulanginya semula telah membantu Azam memperolehi dan menguasai bahasa dengan cepat serta dapat menghasilkan bahasa dengan baik walaupun tidak sempurna seperti orang dewasa. Fenomena ini selaras dengan pendapat yang dikemukakan oleh ahli Teori Behaviourisme yang

mengatakan bahawa pengaruh persekitaran kanak-kanak seperti pengaruh kawan-kawan, keluarga, adik-beradik dan ibu bapa telah memainkan peranan penting dalam membantu kanak-kanak memperolehi bahasanya. Peniruan dan pengulangan semula terhadap bentuk-bentuk ujaran yang didengari daripada Amin (sebagaimana yang terdapat dalam data 50 ujaran yang telah dibuat oleh azam (lihat Lampiran 1)) merupakan satu teknik latihan yang telah membantu kanak-kanak ini menguasai bahasa dengan cepat. Ini selaras dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Wood (rujuk para 2.3), yang mengatakan bahawa kanak-kanak meniru bentuk-bentuk ujaran yang dibuat oleh orang-orang dewasa di sekelilingnya dalam proses pemerolehan bahasa mereka. Peniruan ini penting dalam membantu mempercepatkan proses pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak.

Menurut Piaget, kanak-kanak yang berusia 2-3 tahun telah dapat membuat ayat yang menghubungkan antara kejadian dengan objek (Objective Case), boleh menghubungkan antara agen dan peristiwa atau kejadian (Agentive Case), boleh menghubungkan antara kejadian tak langsung dengan objek (Dative case) serta boleh menghubungkan antara lokasi dan kejadian (Lokative Case). Kanak-kanak pada usia ini juga boleh menghubungkan pelbagai nama dengan kejadian atau peristiwa. Di bawah ini diberikan contoh ujaran yang termasuk dalam ciri-ciri yang telah diberikan oleh Piaget ini;

1. Ujaran yang menunjukkan hubungan antara *Agen* dan *kejadian*

- a) Ujaran 8 : / Min siup nih /
- b) Ujaran 11: / Mi taruh ga nih /
- c) Ujaran 25: / dia pun ikat tali /

2. Ujaran yang menunjukkan hubungan antara *Objek dan kejadian*

Ujaran (1) : / tak dak tayar dia takdak /

3. Ujaran yang menunjukkan hubungan antara *lokasi dan kejadian*

Ujaran 12 : / Min kita main tanah nak ? /

Ujaran 32 : / ni robot tak sini /

4. Ujaran yang menunjukkan hubungan antara *kata nama dan perbuatan* terdapat dalam ujaran-ujaran nombor 8, 10, 11, 15, 25 dan 26 dalam data.

Contoh;

a) Ujaran 25: / dia pun parking /

b) Ujaran 26: / dia pun ikat tali /

Daripada contoh di atas jelas menunjukkan bahawa ujaran yang dibuat oleh kanak-kanak ini dalam data 50 ujaran yang diambil, sedikit sebanyak telah memenuhi perlakuan bahasa yang sepatutnya ada pada kanak-kanak yang berusia dua tahun sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Piaget. Ini membuktikan bahawa kanak-kanak ini mempunyai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang baik.

3.3 Kesimpulan

Daripada analisis am di atas didapati bahawa kedua-dua kanak-kanak sampel telah mampu membuat ujaran yang sesuai dengan konteks. Semua ujaran yang telah dibuat oleh kanak-kanak (di dalam data 50 ujaran) adalah berdasarkan konteks yang berlaku pada masa itu. Begitu juga dengan Azam yang baru berusia 2.6 tahun juga telah mampu membuat ujaran yang sesuai dengan konteks. Ini

menunjukkan bahawa kanak-kanak yang berusia antara 2.6 tahun dan 3.7 tahun ini telah berjaya membuat ujaran-ujaran yang sesuai dengan konteksnya. Keputusan ini menunjukkan keselarian dengan pendapat yang dikemukakan oleh Fenton yang mengatakan bahawa kanak-kanak yang berusia 13 bulan dan ke atas telah dapat membuat ayat-ayat yang membawa maksud yang berbeza-beza berdasarkan konteksnya (rujuk para 2.3). Daripada analisis am ini juga didapati bahawa semua kanak-kanak telah mampu membuat soalan dengan tepat samada dengan menggunakan bentuk-bentuk kata tanya ataupun tidak.

Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya bolehlah disimpulkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak pada usia 2.6 tahun dan 3.7 tahun adalah masih kurang sempurna sepenuhnya kerana kedua-dua sampel didapati masih belum mahir menggunakan perkataan-perkataan posisi seperti atas, tepi, bawah, sisi dan sebagainya. Ini terbukti berdasarkan analisis data, didapati hanya Azam sahaja yang telah mampu mengujarkan perkataan posisi tersebut. Walau bagaimanapun bentuk-bentuk perkataan yang digunakan adalah terhad dan tidak meluas. Manakala berdasarkan pengiraan MLR dan MLU pula, didapati bahawa Azam walaupun merupakan seorang sampel yang amat verbal jika dibandingkan dengan usianya, namun tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa beliau masih belum sempurna sepenuhnya, ini terbukti melalui peniruan yang dibuat beliau terhadap ujaran-ujaran yang telah diucapkan oleh abangnya Amin dan ibunya semasa bercakap.

Secara keseluruhannya, bolehlah disimpulkan bahawa daripada analisis am yang dijalankan ini, didapati bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak yang berusia 3.7 tahun masih kurang sempurna. Ini kerana pada tahap usia antara 1-5 tahun, kanak-kanak dikatakan masih berada dalam proses pemerolehan bahasa yang belum sempurna sepenuhnya. Misalnya, jika diperhatikan peringkat-peringkat pemerolehan bahasa yang telah diutarakan oleh Mangantar Simanjuntak (rujuk para 2.3), beliau telah meletakkan kanak-kanak yang berusia tiga tahun ini di bawah **Peringkat Permulaan Tatabahasa** dan pada peringkat ini kanak-kanak dikatakan mulai memakai elemen-elemen tatabahasa yang rumit. Fenton pula mengatakan bahawa kanak-kanak pada usia tiga tahun telah mulai mengalami perkembangan bahasa yang hampir sempurna (tidak sempurna sepenuhnya). Wood pula telah meletakkan kanak-kanak yang berusia antara 2.5-4 tahun dalam peringkat **Multiple-word Sentences** iaitu berada dalam tahap kelima peringkat-peringkat pemerolehan bahasa yang telah dikemukakan. Jadi, berdasarkan peringkat-peringkat perkembangan dan pemerolehan bahasa yang telah dikemukakan ini, jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak pada usia 3.7 tahun masih mengalami tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang belum sempurna sepenuhnya.

Berdasarkan analisis MLU, didapati bahawa Azam telah mengalami tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang jauh lebih cepat daripada usianya (jika dibandingkan antara MLU dan umur yang sesuai yang telah dicadangkan oleh Brown dalam Lampiran 3). Tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa Azam yang

lebih cepat ini banyak dipengaruhi oleh abangnya Amin yang selalu berbual dengannya. Ini jelas kelihatan di dalam data 50 ujaran yang diambil, didapati begitu banyak sekali bentuk-bentuk peniruan yang telah dilakukan oleh Azam terhadap ujaran-ujaran yang dibuat oleh abang dan ibunya. Peniruan ini penting bagi beliau sebagai satu bentuk latihan untuk menguasai bahasa dengan lebih cepat. Keadaan ini juga membuktikan kebenaran pendapat yang telah dikemukakan oleh pelopor-pelopor Teori Behaviourisme bahawa pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh persekitaran. Daripada analisis MLU juga didapati bahawa Amin telah mengalami tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang selari dengan usianya.